PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (1) Mei 2023 (129-139)

Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Peserta Latihan dan Dakwah Orang Asli, Kok Lanas Berdasarkan Tiga Domain

[1]Khairul Ashraaf Saari & [2]Harishon Radzi
[1]khairulashraafsari@gmail.com, [2]naslin@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh terima *Received*	:	22 Mac 2023
Terima untuk diterbitkan *Accepted*	:	8 Mei 2023
Tarikh terbit dalam talian *Published online*	:	30 Mei 2023

Abstrak

Kemahiran penguasaan lebih daripada satu bahasa telah memungkinkan berlakunya penggunaan bahasa yang pelbagai berdasarkan situasi semasa dan topik perbincangan. Pemilihan bahasa yang yang sesuai dalam sesuatu komuniti menerusi sesuatu topik perbahasan mampu memberi kesan pada kadar kefahaman pendengar. Pusat Latihan Dakwah Orang Asli (PULDOA) telah dipilih sebagai wadah perbincangan makalah bagi menganalisa pilihan bahasa dalam kalangan beberapa etnik orang asli yang ditempatkan di sana. Matlamat utama kajian adalah untuk mengenal pasti bahasa pilihan, menghuraikan pemilihan bahasa berdasarkan tiga domain, dan untuk menjelaskan faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan peserta PULDOA. Instrumen soal selidik, temu bual dan teknik pemerhatian dijalankan bagi mengumpulkan maklumat pilihan bahasa berdasarkan pengkelasan domain berlandaskan Teori Analisis Domain yang diperkenalkan oleh Fishman (1972). Aplikasi SPSS digunakan bagi menilai dan merungkai pilihan bahasa dalam kalangan peserta PULDOA secara kuantitatif. Hasil kajian telah mendapati bahawa bahasa Melayu standard, bahasa Temiar dan dialek Kelantan telah menjadi bahasa pilihan yang paling dominan dalam ketiga-tiga domain kajian (iaitu domain semasa Pengajaran & Pembelajaran (P&P), domain semasa berinteraksi dengan kelainan etnik dan domain semasa bersosial). Bahasa Melayu standard telah dipilih sebagai bahasa interaksi yang mampu memberikan tahap kefahaman yang paling efektif dalam kalangan peserta kelainan etnik orang asli di PULDOA.

Kata kunci: Pilihan Bahasa; Orang Asli; Sosiolinguistik; Teori Analisis Domain; Pusat Latihan Dakwah Orang Asli; Bahasa Melayu Standard

Language Choice among the Participants in Pusat Latihan dan Dakwah Orang Asli, Kok Lanas based on Three Domains

Abstact

The mastery of more than one language has caused of possibility of multilingualism. The language choice in a particular group or topic can impact on the level of understanding for listeners. The Pusat Latihan Dakwah Orang Asli (PULDOA) has been chosen as a platform to analyse language choices among several types of indigenous ethnic groups located there. The objective of the study is to identify the language choice, describe language choice based on three domains, and to explain the factors that influence language choice among PULDOA participants. Questionnaire and semi-structured interviews instruments were conducted to gather information on the main language choices based on domain classification in the Domain Analysis Theory framework by Fishman (1972). SPSS analysis was used to quantitatively evaluate and analyse language choices

among PULDOA participants. According to the study's findings, standard Malay, Temiar, and the Kelantan dialect have emerged as the most popular languages in each of the three study domains (i.e., teaching and learning (P&P), interacting with ethnic diversity, and socialising). Bahasa Melayu standard has been chosen as one of the successful mediums of interaction in providing the most effective level of understanding among indigenous ethnic groups at PULDOA.

Keywords: Language Choice; Indigenous people; Sociolinguistics; Domain Analysis Theory; Pusat Latihan Dakwah Orang Asli; Standard Malay

---

1. Pengenalan

Masyarakat orang asli mempunyai hubungan komunikasi yang dinamik. Hubungan komunikasi ini boleh dilihat melalui pilihan bahasa yang dibuat berdasarkan laras-laras yang tertentu. Hal ini telah dibuktikan oleh Mohamad Rozi Kasim (2021) bahawa penentuan nada atau cara sesuatu mesej disampaikan dalam kalangan masyarakat orang asli adalah bergantung pada konteks sesuatu peristiwa komunikasi. Sebagai contoh, penggunaan nada yang *serius* oleh tok batin adalah bertujuan untuk menarik perhatian masyarakat orang asli supaya memberi tumpuan tentang perkara yang ingin disampaikan. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa, pilihan bahasa yang tepat dapat melancarkan interaksi sewaktu penyampaian maklumat.

Sa'adiah Ma'alip & Teo Kok Seong (2019) menyatakan bahawa, pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat asli mampu mencerminkan budaya harian. Gaya hidup dalam sesuatu kelompok interaksi akan menentukan bahasa pilihan yang dibuat. Hal ini disebabkan faktor persekitaran dan tahap kebolehfahaman bahasa yang dikuasai. Namun begitu, ketidaksesuaian bahasa pilihan ini mampu menjadi penghalang kepada sesuatu interaksi secara berkelompok. Hal ini disokong oleh Ajid Che Kob (1980) pemilihan bahasa yang tidak didukung dengan bahasa yang bersesuaian mampu memberi kesan pada komunikasi serta penghalang kepada aktiviti sosial sesuatu masyarakat. Masalah sosial adalah hasil daripada perinteraksiaan yang tidak jelas atau kurang faham antara penutur dengan lawan bicara. Perihal ini kerap berlaku dalam kalangan masyarakat multibahasa.

Penentuan sesuatu bahasa pilihan dalam sesebuah masyarakat khususnya masyarakat dwi atau multi-bahasa banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor luaran seperti sosial, sejarah, demografi, linguistik dan lain-lain (Sa'adiah Ma'alip 2014). Faktor luaran ini amat penting dalam menentukan bahasa pilihan *'lingua franca'* dan ianya saling berkait rapat antara satu sama lain dalam menentukan bahasa yang paling tepat untuk digunakan. Pemilihan bahasa yang tepat dalam kalangan etnik multi-bahasa dapat memastikan perhubungan komunikasi berjalan dengan lancar serta mengelakkan daripada berlakukan masalah sosial. Di samping itu, faktor penguasaan bahasa yang berbeza dalam kalangan masyarakat dwi atau multi-bahasa juga haruslah dititikberatkan.

Sa'adiah Ma'alip (2014) dalam Riduan Makhtar et. Al. (2019) menyatakan bahawa, setiap kelompok masyarakat bahasa itu mempunyai pilihan yang berbeza terhadap bahasa yang ingin digunakan dan ianya secara tidak langsung mampu menentukan hasil bahasa pilihan yang dipilih. Hal ini boleh diperlihat menerusi Pusat Dakwah Orang Asli (PULDOA) sebagai suatu pusat perhimpunan beberapa etnik yang berbeza latar belakangkan keturanan etnik dan bahasa natif yang berbeza di kawasan penempatan yang sama. Oleh yang demikian, penentuan pemilihan bahasa yang dibuat haruslah mampu memberi kesan pada perinteraksian dalam kalangan komuniti di PULDOA. Maka, makalah ini akan membincangkan aspek pemilihan bahasa yang yang dapat dijadikan sebagai *lingua franca* dalam kalangan komuniti yang multi-bahasa di PULDOA.

2. Pemilihan Bahasa

Pemilihan bahasa berlaku apabila sesuatu komuniti masyarakat mempunyai kemampuan untuk bertutur dalam dua atau lebih bahasa yang berbeza (Sa'adiah Ma'alip 2015). Penentuan sesuatu bahasa pilihan ini adalah penting untuk mengelakkan daripada berlakunya masalah sosial seperti penyampaian yang tidak jelas, salah tanggap, pergaduhan dan lain-lain. Hal ini turut disokong oleh

Fasold (1984), Hudson (1984) dan Kartomihardji (1981) ketidaksesuaian pemilihan bahasa akan mengakibatkan pelbagai masalah sosial, budaya dan *situational problems*. Oleh yang demikian, penentuan pilihan bahasa yang tepat mampu menjaga keharmonian dalam sesebuah komuniti khususnya melibatkan multi-etnik.

Mahmud Fasya dan Dini Gilang Sari (2021) menyatakan bahawa penentuan pemilihan bahasa dalam sesuatu kelompok masyarakat boleh dirujuk menerusi 5 faktor sosiobudaya iaitu; (1) peserta sewaktu komunikasi, (2) situasi sewaktu komunikasi, (3) tujuan komunikasi, (4) subjek yang dibicarakan dan (5) norma sewaktu komunikasi. Penentuan bahasa pilihan yang bersesuaian dapat memastikan komunikasi berjalan dengan lancar. Holmes (2008) turut mengelaskan penentuan pemilihan bahasa berdasarkan 4 faktor iaitu; (1) jarak sosial antara interlokutor; (2) perhubungan status (3) formaliti atau ciri-ciri latar dan (4) sasaran atau fungsi interaksi dalam kalangan komuniti.

Oleh yang demikian, pemilihan bahasa yang dibuat dalam kalangan penutur dan interlokutor ini haruslah menepati faktor pemilihan yang bersesuaian. Mohammad Azlan Mis (2011) telah mengkategorikan analisis pemilihan bahasa kepada dua bentuk iaitu analisis bersifat mikro dan analisis bersifat makro. Pemilihan bahasa bersifat mikro merujuk kepada kajian pemilihan bahasa menerusi interaksi pada peringkat individu dan kelompok kecil, manakala pemilihan bahasa bersifat makro pula kajian pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat atau kelompok yang lebih besar serta hubung kaitnya antara bahasa yang dipilih. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan analisis bersifat makro dalam menghuraikan bahasa pilihan yang dipilih oleh para peserta di PULDOA.

Pusat Latihan Dakwah Orang Asli (Puldoa)

Pusat Latihan Dakwah Orang Asli (PULDOA) ini telah ditubuhkan oleh *Islamic Outreach* ABIM sejak tahun 2013. Penubuhan asal pusat latihan ini bukanlah berfokus untuk memberi manfaat khusus kepada masyarakat orang asli sahaja, namun ianya lebih berfokus pada komuniti muaalaf iaitu orang yang baru memeluk agama Islam. Oleh itu, tidak hairanlah terdapat beberapa komuniti bukan orang asli yang menjadi sebahagian peserta di PULDOA. Berdasarkan perkongsian daripada Ustazah Suhaidah, iaitu Pengetua PULDOA, sehingga kini terdapat seramai 61 orang peserta yang telah mendaftar di PULODA dan terdiri daripada latar belakang etnik yang berbeza. Kumpulan etnik orang asli seperti Temiar, etnik Temuan, etnik Kentak, etnik Mah Meri, etnik Kensiu dan bukan orang asli seperti etnik Khemai, etnik Melayu-Thai, etnik Champa, etnik Dusun, dan etnik Iban. Matlamat penubuhan PULDOA ini adalah untuk membantu program pendidikan dan latihan khususnya dalam meningkatkan tahap pemahaman dan penghayatan akhlak Islam dalam kalangan mualaf khususnya etnik orang asli.

Beberapa kursus pendidikan yang telah disediakan oleh pihak PULDOA dalam usaha untuk membantu para peserta mendalami agama Islam dan pendidikan akademik asas dalam kalangan muaalaf. Antaranya adalah kelas bimbingan fardu ain seperti kelas Al-Quran, sembahyang, latihan berpuasa dan kelas pendidikan harian seperti kelas Matematik, Bahasa Melayu dan lain-lain bagi membantu meningkatkan sahsiah peribadi berlandaskan agama Islam oleh para peserta. Pihak PULDOA telah mengklasifikasikan para pesertanya kepada 5 tahap berdasarkan tahap penguasaan dalam bidang agama dan akademik, iaitu meliputi Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3, Tahap 4 dan Tahap 5. Pengkelasan ini dibuat adalah untuk memudahkan urusan sewaktu sesi pembelajaran dan pengajaran sepanjang berada di PULDOA. Namun begitu, proses interaksi antara peserta PULDOA tidak hanya berlaku di bilik darjah sahaja, mereka turut menjalani proses interaksi di luar bilik darjah seperti di pusat rekreasi, di asrama, aktiviti bersama masyarakat berhampiran dan lain-lain. Kepelbagaian latar belakang dan nilai hidup secara bersama inilah telah menjadi tunjang kepada kajian ini dalam menilai bahasa *lingua franca* yang digunakan sepanjang proses interaksi di PULDOA.

3. Metodologi

Kajian ini memberi fokus pada pemilihan bahasa dalam kalangan multi-etnik di PULDOA. Kajian pemilihan bahasa bersifat makro ini telah menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif dalam

menilai bahasa pilihan sepanjang interaksi seharian para responden serta menganalisa faktor yang mendasari pemilihan bahasa itu dibuat. Kajian ini telah membahagikan metodologi kajian kepada dua proses, iaitu proses pengumpulan data dan proses penganalisisan kajian.

Proses pemerolehan data kajian dijalankan menerusi kajian lapangan di Pusat Latihan Dakwah Orang Asli. Proses ini menerapkan kaedah triangulasi pengumpulan data iaitu menerusi kaedah soal selidik, temu bual dan pemerhatian langsung pengkaji (Mohd Majid Konting 2005). Penerapan ketiga-tiga kaedah ini adalah bertujuan untuk memastikan data yang diperolehi adalah lebih akurat dan menyeluruh. Soal selidik telah dibahagikan kepada tiga bahagian; Bahagian A berfokus pada personaliti responden seperti maklumat jantina, umur, etnik dan tahap pengajian; Bahagian B pula melibatkan aspek pemilihan bahasa yang telah dipilih oleh responden menerusi tiga pengkelasan domain yang telah dibuat iaitu domain semasa Pengajaran & Pembelajaran (P&P), domain semasa berinteraksi dengan kelainan etnik dan domain semasa bersosial; dan Bahagian C berfokus pada mengenal pasti faktor yang mendasari pemilihan bahasa yang telah dipilih.

Sebanyak 31 responden telah berjaya diperolehi iaitu mewakili 16 orang perempuan dan 15 orang lelaki. Pemilihan responden adalah terdiri daripada masyarakat orang asli dan bukan orang asli yang berada di PULDOA dan berumur 13 hingga 24 tahun. Makalah ini tidak berfokus pada peserta yang berumur 13 tahun ke bawah. Penentuan ini dibuat adalah untuk memastikan hasil data yang diperolehi tidak bercampur atau dipengaruhi oleh unsur-unsur sosial lain seperti pengaruh rakan sebaya.





Kaedah temu bual dan pemerhatian langsung pengkaji juga turut dijalankan dalam kalangan responden sepanjang kajian lapangan dijalankan. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran maklumat sebenar berkenaan dengan bahasa pilihan di kawasan kajian. Menurut Denzin (2001) teknik pengumpulan data berasaskan temu bual merupakan alat pengumpul maklumat tepat, dan ianya perlu bersifat reflektif dan mampu mencerminkan kehidupan serta keadaan yang sebenar mengenai sesuatu fenomena.

Proses penganalisisan kajian diteruskan dengan mengaplikasi Teori Analisis Domain yang telah diperkenalkan oleh Fishman, J. A. (1971). Menurut Fishman, teori domain ini mampu membina sosio-budaya yang digarap melalui topik komunikasi, pertalian antara penutur dengan masyarakat tutur. Teori Analisis Domain ini amat sesuai dalam menghuraikan situasi pemilihan bahasa dalam situasi masyarakat multi-bahasa. Menurut Riduan Makhtar et al. (2019) menyatakan bahawa, pemilihan kelas domain ini boleh merangkumi latar, bentuk komunikasi yang terlibat, topik perbualan dan status sosial. Justeru, kajian ini telah memilih 3 pecahan domain iaitu (1) domain semasa Pengajaran & Pembelajaran (P&P), (2) domain semasa berinteraksi dengan kelainan etnik dan (3) domain semasa bersosial dalam membincangkan aspek pemilihan bahasa di Pusat Latihan Dakwah Orang Asli.
Justifikasi pemilihan ketiga-tiga domain ini adalah berpandukan kepada situasi interaksi dan gaya hidup para peserta di PULDOA. Fishman (1968) telah mencadangkan untuk mewujudkan suatu

konteks domain sebagai konstruk sosio-budaya yang disaring daripada topik-topik komunikasi, hubungan antara peserta komunikasi, lokasi komunikasi dengan institusi masyarakat dan lingkungan masyarakat tutur. Menerusi ketiga-tiga domain tersebut akan membuka ruang perbahasan tentang bahasa pilihan yang digunakan oleh para peserta di PULDOA. Seterusnya, analisis kajian ini akan menggunakan perisian SPSS bagi menilai dan merungkai pilihan bahasa dalam kalangan peserta PULDOA secara kuantitatif.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Menurut Asmah Haji Omar (1982) dalam Mohmmad Azlan Mis (2011), pemilihan sesuatu bahasa pilihan sesuatu kelompok masyarakat boleh dilihat melalui tiga faktor utama. Fakor pertama merujuk kepada tahap keupayaan untuk mematuhi dasar atau peraturan yang telah ditetapkan. Hal ini mampu dilihat menerusi pemilihan bahasa khusus dalam sesuatu interaksi yang diadakan seperti mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam majlis konvokesyen di institusi pendidikan dan sewaktu penggumuman belanjawan tahunan kerajaan. Kewajiban ini secara tidak langsung telah menjadi garis panduan khusus bagi penutur tentang bahasa pilihan yang perlu dipilih sepanjang sesi interaksi tersebut berlangsung. Faktor kedua pula merujuk kepada tahap keselesaan. Hal ini dapat dirujuk kepada bahasa yang selesa yang diterapkan dalam kalangan komunikator dan interlokutor. Penentuan ini haruslah diterima oleh kedua-dua pihak. Ianya boleh dilihat menerusi contoh, pemilihan dialek harian sewaktu berinteraksi dengan etnik atau latar belakang yang sama. Faktor ketiga pula boleh dilihat menerusi segmen keefektifan. Komunikator akan memilih bahasa yang bersesuai berdasarkan lawan tuturnya atau interlokutor. Hal ini bertujuan untuk memastikan penggunaan bahasa pilihan pada tahap yang paling efektif dan senang untuk difahami oleh kedua-dua pihak.

Menurut Berawati Renddan et al. (2020), penentuan topik atau domain dalam pemilihan bahasa mampu menjadi pengawal selia penggunaan bahasa dalam tetapan penutur multibahasa. Tambahan Berawati Renddan et. al lagi, Teori Analisis Domain merupakan teori yang penting dalam membincangkan penggunaan bahasa berlandaskan faktor luaran seperti penutur, situasi, lokasi dan waktu dalam satu-satu aspek kajian. Perbincangan analisis kajian diteruskan dengan meneliti aspek pilihan bahasa yang digunakan dalam kalangan para peserta PULDOA berdasarkan pilihan domian yang dibuat.

Analisis pemilihan bahasa ini dibincangkan menerusi 3 pengkelasan domain; iaitu domain semasa Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), domain semasa berinteraksi dengan kelainan etnik dan domain semasa sosial. Pengkaji telah mengklasifikasikan bentuk penganalisisan kajian kepada dua jenis iaitu analisis pemilihan bahasa dalam kalangan peserta PULDOA dan faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa.

4.1 Domain semasa Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Domain ini merujuk kepada pilihan bahasa yang digunakan oleh para responden sepanjang sesi P&P. Perincian domain dapat dilihat menerusi perincian 4 angkubah melalui Jadual 1-4 di bawah:

Jadual 1 : Bahasa percakapan saya dengan guru akademik

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Dialek Kelantan	5	16.1	16.1
2	Bahasa Melayu Standard	26	83.9	100.0

Jadual 2 : Bahasa percakapan saya dengan ustazah/ustaz

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Dialek Kelantan	11	35.5	35.5
2	Bahasa Melayu Standard	20	64.5	100.0

Majoriti responden dalam kalangan peserta PULDOA lebih gemar untuk menggunakan bahasa Melayu standard sebagai bahasa perantaraan semasa berkomunikasi dengan guru akademik dan ustazah/ustaz. Hal ini boleh dilihat menerusi pemilihan sebanyak 83.9% bagi merujuk kepada bahasa percakapan bersama guru akademik dan 64.5% bagi merujuk kepada bahasa percakapan bersama ustazah/ustaz. Penggunaan dialek Kelantan juga turut mendapat tempat para responden iaitu sebanyak 16.1% bagi merujuk kepada bahasa percakapan bersama guru akademik dan 35.5% bagi merujuk kepada bahasa percakapan bersama ustazah/ustaz. Faktor latar belakang pengajar iaitu berasal daripada negeri Kelantan dan penggunaan bahasa Melayu sepanjang sesi pembelajaran dan pengajaran (P&P) dalam kelas telah memberi kesan kepada bahasa pilihan yang digunakan oleh para responden.

Jadual 3 : Bahasa percakapan ketika bertanya soalan

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Bahasa Temiar	2	6.5	6.5
2	Dialek Kelantan	6	19.4	25.8
3	Bahasa Melayu Standard	23	74.2	100.0

Jadual 4 : Bahasa percakapan ketika menjawab soalan

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Bahasa Temiar	3	9.7	9.7
2	Dialek Kelantan	4	12.9	22.6
3	Bahasa Melayu Standard	24	77.4	100.0

Nisbah pemilihan bahasa bagi kedua-dua Jadual 3 dan 4 ini menunjukkan pola yang seakan sama. Penggunaan bahasa Temiar telah dipilih sebagai bahasa pilihan sebanyak 6.5% dan 9.7% merujuk kepada bahasa percakapan ketika bertanya dan menjawab soalan. Dialek Kelantan pula digunakan sebanyak 19.4% dan 12.9% merujuk kepada bahasa percakapan ketika bertanya dan menjawab soalan. Manakala, bahasa Melayu standard pula mendominasi penuh iaitu sebanyak 74.2% dan 77.4% merujuk kepada bahasa percakapan ketika bertanya dan menjawab soalan sewaktu sesi pembelajaran di kelas.

Kebanyakkan responden lebih gemar untuk menggunakan bahasa Melayu standard jika dibandingkan dengan dialek Kelantan, bahasa Temiar dan bahasa lain-lain sepanjang sesi P&P dijalankan. Hal ini disebabkan oleh faktor latar belakang etnik orang asli yang pelbagai telah menyebabkan pilihan ini dibuat. Tahap kefahaman yang tinggi semasa berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu standard dengan guru atau tenaga pengajar telah menjadi punca utama pilihan bahasa itu dibuat. Namun begitu, bahasa Temiar dan dialek Kelantan juga turut mendapat tempat sebagai bahasa kedua pilihan responden dalam domain pengajaran dan pembelajaran (P&P). Hal ini disokong oleh Mohammed Azlan Mis (2010) menyatakan bahawa setiap kecenderungan pemilihan bahasa ini adalah berpunca daripada situasi pergaulan dengan komuniti multibahasa dan bahasa perhubungan yang dominan dalam satu-satu masyarakat.

4.2 Domain Semasa Berinteraksi dengan Kelainan Etnik

Perkomunikasian antara etnik dengan etnik lain dapat diperincikan pada domain kedua ini. Perbincangan melibatkan pilihan bahasa sewaktu bersosial dalam kalangan etnik berbeza ini dapat dibincangkan menerusi 6 angkubah melalui paparan Jadual 5-10 di bawah.

Jadual 5 : Bahasa percakapan dengan etnik Temiar

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Bahasa Temiar	18	58.1	58.1
2	Bahasa Melayu Standard	13	41.9	100.0

Jadual 6 : Bahasa percakapan dengan etnik Kentak

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Bahasa Melayu Standard	31	100.0	100.0

Jadual 7 : Bahasa percakapan dengan etnik Kensiu

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Bahasa Melayu Standard	31	100.0	100.0

Jadual 8 : Bahasa percakapan dengan etnik Champa

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Bahasa Campa	3	9.7	9.7
2	Bahasa Melayu Standard	28	90.3	100.0

Jadual 9 : Bahasa percakapan dengan etnik Dusun

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Bahasa Melayu Standard	31	100.0	100.0

Jadual 10 : Bahasa percakapan dengan etnik Iban

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Bahasa Iban	1	3.2	3.2
2	Bahasa Melayu Standard	30	96.8	100.0

Ringkasnya, bahasa Melayu standard yang telah menjadi pilihan majoriti sebagai bahasa pengantar di PULODA sewaktu berinteraksi dengan kelainan etnik. Namun begitu, bahasa Temiar pada Jadual 5 telah menunjukkan nilai populariti yang tidak seragam. Bilangan pilihan bahasa Temiar telah menunjukkan nisbah yang lebih popular jika dibandingkan dengan bahasa Melayu standard iaitu dengan peratusan 58.1%. Hal ini disebabkan kerana jumlah peserta dari etnik Temiar yang mendominasi kawasan kajian. Ianya secara tidak langsung telah berjaya mempengaruhi kadar penggunaan bahasa Temiar di kawasan kajian. Menerusi temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa hampir keseluruhan responden mampu untuk bertutur dalam bahasa Temiar pada tahap sederhana (tidak begitu fasih). Faktor asimilasi dan pergaulan seharian telah menjadi punca kepada pemilihan bahasa ini dibuat dalam kalangan peserta di PULDOA. Sa'adiah Ma'alip (2014) menyatakan bahawa, pemilihan bahasa oleh seseorang penutur boleh berubah dan ianya mudah disesuaikan mengikut fungsi dan peranan bahasa tersebut.

4.3 Domain Semasa Bersosial

Domain ini terdiri daripada 4 pecahan angkubah. Ianya dapat dirujuk sewaktu berinteraksi bersama dengan komuniti PULDOA atau bersama dengan komuniti luar. Perincian domain ini dapat dilihat menerusi Jadual 11-14.

Jadual 11 : Bahasa percakapan semasa waktu riadah

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Bahasa Temiar	9	29.0	29.0
2	Dialek Kelantan	2	6.5	35.5
3	Bahasa Melayu Standard	20	64.5	100.0

Jadual 12 : Bahasa percakapan dengan perbezaan umur

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Dialek Kelantan	1	3.2	3.2
2	Bahasa Melayu Standard	30	96.8	100.0

Jadual 13 : Bahasa percakapan dengan masyarakat luar

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Dialek Kelantan	5	16.1	16.1
2	Bahasa Melayu Standard	26	83.9	100.0

Jadual 14 : Bahasa percakapan dengan warden

Bil	Bahasa Pilihan	Kekerapan	Peratus	Peratusan Kumulatif
1	Dialek Kelantan	6	19.4	19.4
2	Bahasa Melayu Standard	25	80.6	100.0

Pilihan menerusi domain semasa bersosial ini dapat dirujuk menerusi peninteraksian responden bersama dengan masyarakat berhampiran. Paparan Jadual 11-14 telah menunjukan pilihan bahasa yang dibuat; iaitu bahasa Melayu standard telah dipilih sebagai bahasa perantaraan oleh responden sewaktu berinteraksi semasa bersosial. Nur Faaizah Md Adam dan Mohd Sharifudin Yusop (2014) pemilihan bahasa Melayu standard ini adalah bertujuan untuk memudahkan proses komunikasi berjalan dengan lancar dan tidak wujud perselisihan faham antara satu sama lain.

Di samping pemilihan bahasa Melayu standard sebagai bahasa perantaraan, terdapat beberapa peratusan yang menunjukkan pemilihan dialek Kelantan dan bahasa Temiar dalam kalangan responden. Hal ini adalah bertitik tolak daripada situasi interaksi yang sering berlaku, khususnya menerusi program-program yang dijalankan oleh pihak PULDOA bersama masyarakat sekitar di negeri Kelantan. Proses interaksi khusus dalam kalangan masyarakat setempat telah menyebabkan peserta PULDOA secara tidak langsung telah berjaya menguasai dialek Kelantan. Hal ini turut disokong oleh Sa'adiah Ma'alip (2014) yang menyatakan bahawa, faktor bahasa persekitaraan mampu memberi kesan pada bahasa pilihan responden sewaktu berinteraksi dengan komuniti sekitar.

Ringkasnya, dialek Kelantan dan bahasa Temiar telah dijadikan bahasa pilihan yang kedua sebagai medium bahasa pengantaraan selain bahasa Melayu standard diangkat sebagai bahasa pergaulan harian menerusi ketiga-tiga kelas domain yang dikaji. Pemilihan bahasa Melayu standard dalam kalangan para responden ini telah disokong oleh pihak pengurusan PULDOA untuk melahirkan nilai integrasi dan kebersamaan dalam kalangan peserta. Di samping itu juga, inisiatif pemilihan bahasa Melayu standard dalam domain semasa Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), domain semasa berinteraksi dengan kelainan etnik dan domain semasa sosial ini telah secara tidak langsung telah berjaya menggangkat bahasa Melayu standard sebagai wadah perpaduan dalam kalangan peserta di PULDOA.

4.4 Faktor Pemilihan Bahasa

Perbincangan diteruskan dalam memerihalkan faktor pemilihan bahasa peserta PULDOA iaitu meliputi soalan pada Bahagian C soal selidik. Perbincangan faktor ini adalah bertujuan untuk

mengenal pasti asbab pemilihan bahasa itu dibuat khususnya melibatkan komuniti multi-bahasa di Pusat Latihan Dakwah Orang Asli.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, bahasa Melayu standard telah dipilih sebagai bahasa pilihan secara dominan oleh para peserta di PULDOA. Namun demikian, setiap pemilihan bagi tiap bahasa pilihan itu berlandaskan faktor yang tertentu. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan pilihan soal selidik yang disediakan sebelum ini, pengkaji telah berjaya membincangkan faktor pemilihan bahasa ini dibuat menerusi rajah di bawah;



Rajah 1 : Faktor Pemilihan Bahasa

Nilai keperatusan yang paling tinggi iaitu 23% peserta PULDOA telah memilih faktor Ustazah/Ustaz sebagai dorongan utama pemilihan bahasa ini dibuat. Hasil sesi temu bual bersama responden, mereka berpendapat bahawa mereka lebih gemar untuk mencontohi bahasa yang digunakan oleh Guru Akademik, Ustazah dan Ustaz semasa atau selepas sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) iaitu menggunakan bahasa Melayu standard. Metod penyampaian sewaktu dalam kelas telah menjadi daya ikutan para responden. Hal ini turut diakui oleh Guru besar selaku guru bahasa Arab, Ustazah Suhaidah binti Suhaimi yang mensyorkan para tenaga pengajar dan peserta PULDOA untuk menggunakan bahasa Melayu standard sepanjang sesi Pembelajaran dan Pengajaran dalam kelas. Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan tahap kefahaman oleh peserta dan penyampaian informasi oleh guru dan ustazah pada tahap yang tinggi.

Manakala, keperatusan kedua tertinggi adalah sebanyak 15% iaitu merujuk kepada faktor pengaruh daripada rakan sebaya dan masyarakat sekeliling. Hal ini dapat dibuktikan dengan beberapa pilihan bahasa seperti bahasa Temiar dan dialek Kelantan pada analisis domain di atas. Selain itu, sebanyak 14% responden memilih faktor guru akademik dan sebanyak 13% responden telah memilih faktor bahan bacaan sebagai faktor pemilihan bahasa seharian responden. Seterusnya, sebanyak 10% daripada responden pula memilih faktor keturunan dan majoriti sesuatu masyarakat di kawasan kajian sebagai faktor pemilihan bahasa responden di PULDOA. Menurut Holmes (2008) yang mengatakan bahawa, seseorang penutur akan memilih suatu bahasa yang mampu memudahkan penutur dan pendengar untuk membincang topik yang sedang diperkatakan. Maka tidak hairanlah faktor seperti rakan sebaya, masyarakat sekeliling, guru akademik dan lain-lain telah menjadi asbab pemilihan bahasa itu dibuat. Hal ini bertitik tolak dengan faktor keselesaan dan mudah sewaktu bertutur dalam peserta di PULDOA.

5. Kesimpulan

Bahasa Melayu standard telah menjadi pilihan utama dalam kalangan para peserta di Pusat Latihan Dakwah Orang Asli, Kok Lanas. Pemilihan ini adalah berlandaskan Teori Analisis Domain iaitu meliputi domain semasa Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), domain semasa berinteraksi dengan kelainan etnik dan domain semasa bersosial. Hal ini secara tidak langsung telah berjaya memaparkan sisi positif dalam menerapkan bahasa Melayu standard sebagai wadah bahasa perpaduan dan agen integrasi masyarakat multi-etnik. Hal ini secara tidak langsung mampu mewujudkan fenomena asimilasi etnik meskipun terdiri daripada latar belakang etnik yang berbeza-beza. Namun begitu, penggunaan bahasa ibunda mereka masih diguna pakai jika berkomunikasi dengan latar belakang bahasa natif yang sama meskipun dalam peratusan yang rendah.

Selain daripada pemilihan bahasa Melayu standard sebagai bahasa perantaraan, bahasa Temiar dan dialek Kelantan turut diangkat sebagai bahasa kedua dalam interaksi harian. Faktor penerapan kedua-dua bahasa ini adalah bertitik tolak dengan faktor dialek kawasan dan komuniti yang mendominasi kawasan sekitar. Hal ini turut disokong oleh Riduan Makhtar et. al. (2019) yang menyatakan bahawa masyarakat orang Asli mulai menganjak bahasa dengan menggunakan bahasa atau dialek daerah yang berada di kawasan penempatan mereka sewaktu komunikasi seharian. Maka, tidak hairanlah bahasa seperti bahasa Temiar dan dialek Kelantan ini telah menunjukan nisbah yang kedua terbanyak meskipun pada tahap pemilihan yang rendah oleh para pelajar di Pusat Latihan Dakwah Orang Asli.

Rujukan

Asmah Haji Omar. (1982). *Language and society in Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar, (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ajid Che Kob. (1980). *Bahasa dan Kebudayaa: Satu Tinjauan Hubungannya*. Dewan Bahasa.

Bereiter, B. (1965). A Sociolinguistic Approach to Socialization: with Some Reference to Educability. dlm Frederick Williams (pnyt.). *Language and Poverty*. Academic Press.

Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad, Sharil Nizam Sha'ri. (2020). Domain dan Bahasa Pilihan Tiga Generasi Etnik Bajau Sama Kota Belud. Malaysian *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol 5 (7) hlm 96 - 107.

Dunn, F.L. (1975). Rain-Forest Collextors and Traders: A Study of Resource Utilization in Modern and Ancient Malaya. *Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS*), Kuala Lumpur: Percetakan Mus Sdn. Bhd.

Dentan, R.K. (1964). *Senoi Semang in Ethnic Groups of Mainland Southeast Asia*, New Haven: Human Relation Area Files Press.

Denzin, (2001). *The reflexive interview and a performative social science*. Qualitative Research I (I) hlm 23-46.

Fasold, R. (1984). *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Basil Blackwell.

Fishman, J. A. (1968). *Readings in the Sociology of Language*. The Hague: Mouton

Fishman, J. A., R. Cooper, & R. Ma (1971). *Bilingualism in the Barrio*. Bloomington: Indiana University Press.

Fishman, J. A. (1972). *The Sociology of Language*. Rowley: Newbury House.

Fishman, J. A. (1972). Domains and the relationship between micro-and macrosociolinguistics. dlm John J. Gumperz & Dell Hymes (Eds.) *Directions in sociolinguistics: The ethnography of communication*. New York: Basil Blackwell Ltd.

Fishman, J. A. (1972). *Language in Sociocultural Change*. Stanford University Press, Stanfaord: California.

Fishman, J. A. (1976). *Bilingual Education : An International Sociological Perspective.* Rowley : Newbury House.

Fishman, J A. (1991). *Sosiologi Bahasa (terj. Alias Mohammad Yatim)*. Penerbit Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar, Mohammed Azlan Mis dan Norsimah Mat Awal. (2013). Pilihan Bahasa di Sempadan Malaysia-Thailand berdasarkan Analisis Domain. *Jurnal Linguistik Malaysia*. Vol.17 (2) hlm 91-100.

Holmes, J. (2008). *An introduction to sociolinguistics*. New York: Pearson Longman.

Hudson, R. A. (1996). *Sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press

Iskandar Carey (1970). "The Orang Asli and Social Change", JFMSM, Jil.XIII. *Masyarakat Orang Asli dan Pembangunan Insaniah*.

Kartomihardjo, Soeseno. (1981). *Etnography of Comminicative Codes in East Java.* Disertasi. Pasific Linguistics, The Australian National University, Canberra.

Kong Lee Fong. (1999). *Pemilihan bahasa di kalangan peniaga Cina dalam domain jual beli: kajian di kampung Sungai Durin, Sibu, Sarawak*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Lim Chin Chye. (2008). *Language Choices of Malaysian Youth: A Case Study*. Disertasi Sarjana dalam Lingusitik. Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya

Mahmud Fasya & Dini Gilang Sari. (2021). Sociocultural Factors that Determine Language Choice in A Multilingual Society: Sociolinguistic Study at Tanjungsari Market, Sumedang Regency. *Prosiding Fifth International Conference on Language, Literature, Culture, and Education (ICOLLITE 2021).* Advances in Social Science, Education and Humanities Research, Vol 595.

Mohamad Rozi Kasim. (2021). Etnografi Komunikasi Orang Asli Jakun. Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu. Vol 14 (1) hlm 21-44.

Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketujuh.

Mohammed Azlan Mis. 2010. Lingua Franca Suku Kaum Di Sarawak. *Jurnal Bahasa.* Vol. 20 Mei-Ogos. hlm 131-152.

Mohammed Azlan Mis. (2011). Pilihan Bahasa oleh Suku Kaum Melanau di Negeri Sarawak. *Jurnal Linguistik*. Vol. 14 (12).

Mohammed Azlan Mis. (2012). Analisis Pemilihan Bahasa Dalam Kalangan Pasangan Kahwin Campur Di Negeri Sarawak. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. Vol 18.

Mohammed Azlan Mis. (2012). Bahasa Rojak Dalam Kalangan Penduduk Di Sarawak. *Jurnal Bahasa*.

Mohd Mizan Mohammad & Aslam Shuhairimi Abdullah. (2004). Pembentukan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Semai Melalui Konsep Pandang Dunia (World View): Satu Analisis Awal. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*, 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi

Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hisham Osman. (1994). *Kajian Pemilihan Bahasa di Kawasan Perumahan Ulu Dedap Seberang Perak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Faaizah Md Adam & Mohd Sharifudin Yusop. (2014). Pemilihan Bahasa Masyarakat Jahut Di Pahang. *Journal Of Human Development And Communication* Vol. 3 - Special Issue hlm 141-161.

Nur Syafiqah Muhammad Situl & Mohammed Azlan Mis. (2015). Pemilihan Bahasa dalam Pekerjaan Kerajaan, *Seminar Bahasa Dan Sastera 2015, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, UKM.*

Riduan Makhtar, Siti Aisah binti Zailani dan Abd Ganing Laengkang. (2019). Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Robinson dan Clinton. (1992). *Language Choice in Rural Development*. International Museum of Culture, Texas.

Sa'adiah Ma'alip. (2012). Pemilihan Bahasa dan Identiti Etnik dalam Masyarakt Dwi-Bahasa: Kajian Kes Masyarakat Banjar di Banjar Masin. dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi (Eds.). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sa'adiah Ma'alip. (2014). Pemilihan Bahasa: Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu* Vol 12 (1) hlm 32-43.

Sa'adiah Ma'alip. (2015). Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi Di Laman Sosial. Malaysia. *Journal of Communication* Vol 31 (2).

Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong. (2019). Komunikasi Antara Keluarga: Bentuk Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Orang Asli Che Wong. Jurnal Melayu Bil 18 (2).

Saville-Troike M. (1982). *The Ethnography of Communication:An Introduction*. Blackwell Publishing.

Teuku Alamsyah, Rostina Taib, Azwardi & Muhammad Idham. (2011). Pemilihan Bahasa Indonesia Sebagai Bahasa Pertama Anak dalam Keluarga Masyarakat Aceh Penutur Bahasa Aceh di Nanggroe Aceh Darussalam. *Malay Language Journal Education*. Vol. 1 (2) hlm 31-44.

Wardhaugh, R. 2006. *An Introduction on Sociolinguistics*. Oxford: Basil Blackwell.

Biodata Ringkas Penulis

Khairul Ashraaf Saari merupakan pelajar Doktor Falsafah dalam Linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah geolinguistik dan sosiolinguistik.

Harishon Radzi merupakan pensyarah kanan di program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah morfologi, linguistik dan komunikasi serta geolinguistik.